

## Hubungan Budaya dan Ilmu dari Perspektif Barat dan Islam

KHAIRIAH BINTI MOHD. YASSIN

*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400,  
Kota Kinabalu, Sabah*

khairiah@ums.edu.my

**Abstrak** Budaya ialah suatu cara hidup manusia merangkumi cara berfikir, merasa dan bertindak. Sebagai suatu cara hidup, budaya dibangunkan oleh manusia berdasarkan ilmu pengetahuan yang dimiliki sama ada ilmu tersebut diperoleh daripada proses pembelajaran, pengalaman hidup atau pengamatan terhadap kejadian diri sendiri dan alam sekeliling. Justeru, kertas kerja ini dikemukakan untuk memaparkan hubungan antara budaya dan ilmu secara perbandingan dari perspektif Barat dan Islam. Konsep budaya dan ilmu dihurai dalam konteks maknanya yang sebenar daripada kedua-dua perspektif. Perbincangan seterusnya ialah berkenaan hubungan yang wujud antara budaya dan ilmu. Impak daripada hubungan budaya dan ilmu tersebut turut dikemukakan yang difahami berdasarkan sejarah ketamadunan Barat dan Islam.

**Kata Kunci:** Budaya, ilmu, sejarah ketamadunan, Barat, Islam.

*Abstract* Culture is a way of human life which include thoughts, instincts and actions. As a way of life, culture developed by humans based on knowledge either the knowledge obtained from the process of learning, life experiences, or observations of self creation and surroundings. Hence, this paper is presented to discuss the relationship between culture and knowledge in the real meaning of both Western and Islamic context and perspective. This paper will also discuss on the relationship that exists between both of the context; culture and knowledge, and the impact it gives to the history of Western and Islamic civilizations.

**Keywords:** Culture, knowledge, history of civilization, Western, Islam.

## PENGENALAN

Budaya merupakan suatu elemen yang utama dalam peradaban. Ia dinilai berdasarkan sifat asasnya, iaitu sebagai isi dan inti pati dalam membangunkan peradaban.<sup>1</sup> Hal ini demikian kerana budaya berperanan mempengaruhi manusia dalam usaha meletakkan kedudukan dirinya pada kedudukan yang terkehadapan atau terkebelakang dalam peradaban. Budaya juga merupakan suatu kaedah penyelesaian yang dicipta oleh manusia untuk menyesuaikan dirinya dengan keadaan sekeliling<sup>2</sup> dalam usaha menjadi golongan yang bertamadun<sup>3</sup> terhadap kehidupan masing-masing.

Sekiranya dilihat dalam ruang lingkup kebudayaan, manusia secara umumnya dianggap sebagai seorang yang berkebudayaan. Orang yang berkebudayaan dikenal pasti melalui ciri-ciri seperti berbudi pekerti, bersopan santun, mempunyai pembacaan yang luas, mahir dan boleh bertutur dengan fasih dalam beberapa bahasa, selain bijaksana tentang seni dan muzik. Kebolehan seumpama itu menggambarkan kemampuan seseorang mempelajari dan mengetahui kebudayaan secara mendalam.<sup>4</sup>

Namun persoalannya, apakah yang membentuk budaya? Jika diperhalusi sebaik mungkin, kajian ini mendapati bahawa budaya dibentuk oleh manusia. Manusia membentuk budaya melalui ilmu pengetahuan yang dimiliki, yang diperoleh sama ada melalui pembelajaran, pengamatan terhadap alam sekeliling atau pengalaman seseorang, selain turut bersandarkan panduan wahyu ketuhanan (khusus dalam membentuk dan membangunkan kebudayaan Islam).<sup>5</sup> Persoalan lain turut timbul di sini, iaitu adakah wujud hubungan antara budaya dan ilmu? Apakah bentuk hubungan yang wujud antara budaya dan ilmu?

Oleh itu, kajian ini akan mengetengahkan perbincangan berkenaan konsep kebudayaan dari dua perspektif, iaitu Barat dan Islam. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif, iaitu menggunakan metode kajian kepustakaan sepenuhnya. Dua objektif utama dikemukakan dalam kertas kerja ini, iaitu: 1) Meneliti hubungan budaya dan ilmu dari perspektif Barat dan Islam; dan 2) Menyelidiki impak atau kesan daripada hubungan budaya dan ilmu terhadap sejarah ketamadunan Barat dan Islam.

Berdasarkan penguraian di atas, dapat disimpulkan bahwa budaya merupakan elemen utama peradaban. Budaya dibangun oleh manusia untuk menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling selain berusaha membentuk diri menjadi golongan yang bertamadun dalam kehidupan. Proses penyesuaian dan pembentukan diri tersebut merupakan suatu usaha yang berterusan yang dapat dipelajari daripada sejarah ketamadunan manusia.

## MAKNA BUDAYA DARI KONTEKS BARAT DAN ISLAM

Persoalannya, apakah makna kebudayaan? Merujuk kepada perspektif kebudayaan di Barat, ia sering diketengahkan secara serius dan meluas, khusus dalam bentuk yang ilmiah dan bersifat akademik. Perbincangan kebudayaan tersebut berdasarkan penggunaan istilah *culture*. Dalam *The Oxford English Dictionary*, *culture* bermaksud “pemujaan atau penyembahan; perbuatan memelihara tanah, iaitu pengurusan sumber semula jadi bumi; memelihara dan meningkatkan minda atau akal dan kekuatan manusia; peningkatan atau pembaikan melalui pendidikan dan latihan; dan suatu bentuk latihan, peningkatan dan pembaikan minda, cita rasa dan kelakuan manusia, suatu keadaan yang terhasil daripada proses latihan dan pembaikan, dan salah satu aspek intelektual dalam peradaban.”<sup>6</sup>

Berdasarkan definisi *culture* tersebut, jelas bahawa istilah berkenaan merujuk kepada beberapa elemen, iaitu elemen ritual atau kerohanian, jasmani dan intelek. Elemen ritual atau kerohanian merujuk kepada proses pemujaan atau penyembahan. Elemen jasmani merujuk kepada proses pemeliharaan tanah sementara elemen intelek pula merujuk kepada proses pendidikan dan latihan untuk meningkatkan minda dan akal.

Istilah *culture* turut dikenal pasti berasal daripada bahasa Latin, iaitu *colere* yang bermaksud menyediakan dan memelihara. Istilah ini digunakan untuk menjelaskan kreativiti manusia dalam semua aspek kehidupan yang terhasil daripada daya usaha mereka sendiri. Ia juga membawa maksud pemupukan (*cultivation*), iaitu suatu proses memupuk atau membentuk minda manusia.<sup>7</sup>

Daripada penjelasan di atas, *culture* ialah istilah yang berasal daripada bahasa Latin iaitu *colere*. Istilah tersebut merujuk kepada dua elemen, iaitu elemen jasmani dan intelek. Elemen jasmani merujuk kepada proses

pemeliharaan sumber semula jadi seperti tanah. Elemen intelek pula merujuk kepada proses pemupukan akal atau minda manusia melalui aktiviti yang dihasilkan oleh mereka.

Menurut sarjana Barat yang terkenal dalam bidang kebudayaan, iaitu Edward Burnett Tylor<sup>8</sup> dalam bukunya bertajuk *Primitive Culture* (1871) menyebut bahawa “*culture or civilization is that complex whole which includes knowledge, belief, art, morals, law, custom, and any other capabilities and habits acquired by man as a member of society.*”<sup>9</sup>

Definisi Tylor ini menjelaskan bahawa beliau bukan hanya menekankan aspek budaya bukan kebendaan (*non-material culture*), tetapi juga aspek budaya kebendaan (*material culture*). Hal ini disebabkan selain aspek kehidupan berbentuk bukan kebendaan seperti kepercayaan, moral dan undang-undang, aspek kebendaan turut diketengahkan seperti kesenian yang dihasilkan dalam pelbagai bentuk antaranya alatan kesenian, senjata pemburuan, perkakas memasak dan reka bentuk rumah.

Berdasarkan definisi kebudayaan daripada perspektif Barat menunjukkan bahawa kebudayaan ialah cara hidup manusia yang merangkumi elemen ritual, jasmani dan intelek. Elemen ritual merujuk kepada cara penyembahan atau kepercayaan seseorang terhadap sesuatu yang lebih berkuasa seperti tuhan atau dewa-dewi. Elemen jasmani merujuk kepada cara merasa dan bertindak seseorang untuk menjalani kehidupan seharian seperti berniaga dan bertani. Elemen intelek pula merujuk kepada cara berfikir seseorang untuk berinteraksi dan beradaptasi dengan persekitaran seperti manusia dan alam. Cara hidup yang dibentuk oleh manusia daripada tiga elemen tersebut melibatkan dua aspek utama, iaitu aspek kebendaan dan bukan kebendaan.

Seterusnya ialah perbincangan makna kebudayaan daripada perspektif Islam. Menurut Ibn Khaldun, iaitu tokoh sosiologi dan sejarah Islam terkemuka abad ke-14, kebudayaan merujuk kepada istilah bahasa Arab, iaitu *al-'umran*. Beliau menjelaskan bahawa “...*al-insan madani bi al-thiba'i...al-ijtima'allathi huwa al-madinah fi isthilahihim, wa huwa ma'na al-'umran.*” Beliau turut menyatakan bahawa kebudayaan menunjukkan kewujudan benda hidup serta tempat yang disediakan untuk benda hidup tersebut memanfaatkannya dengan sebaik mungkin. Benda hidup tersebut

merujuk kepada manusia. Tempat yang disediakan pula merujuk kepada tanah yang boleh diperoleh manfaat daripadanya, iaitu digunakan sama ada untuk tempat tinggal atau tempat mencari rezeki seperti bercucuk tanam, berniaga dan menternak.<sup>10</sup>

Pandangan Ibn Khaldun tersebut menjelaskan bahawa kebudayaan melibatkan manusia sebagai makhluk bernyawa dan berakal. Manusia berkeupayaan menggunakan alam persekitarannya seperti tanah untuk memperoleh manfaat daripadanya dalam membangun dan meneruskan kehidupan.

Namun, dalam perbincangan makna kebudayaan di sini hanya menumpukan kepada tiga istilah sahaja. Ia merujuk kepada istilah *al-thaqafah*, *al-hadarah* dan *al-madaniyyah*. *Al-thaqafah* merupakan istilah yang berasal daripada perkataan *thaqifa* yang bermakna berkemahiran dan bijaksana. *Al-thaqafah* bermakna ilmu pengetahuan dan kesenian yang dipelajari oleh manusia dalam usaha memahirkan diri mereka.<sup>11</sup> Menurut Ibn Manzur dalam kitabnya, *Lisan al-'Arab*, *al-thaqafah* bermakna memahaminya secara mendalam, dan seseorang yang cerdik dan cepat faham.<sup>12</sup>

Selain itu, istilah *al-hadarah* turut diguna pakai dalam perbincangan tentang kebudayaan. *Al-hadarah* berasal daripada perkataan *hadara* yang bermakna perbuatan duduk di bandar, perilaku kehidupan yang tinggi kerana mengandungi ilmu, kesenian, kesusasteraan dan ahli masyarakat dalam sesebuah kehidupan. *Al-hadarah* merupakan istilah yang berlawanan dengan istilah *al-badwi*. Hal ini disebabkan masyarakat yang berperadaban (*al-hadarah*) merupakan golongan manusia yang tinggal menetap di sesebuah tempat seperti di bandar atau kota, manakala masyarakat *badwi* merupakan golongan manusia yang hidup berpindah-randah dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain.<sup>13</sup>

Selain dua istilah di atas, *al-madaniyyah* turut dikemukakan dalam perbincangan tentang kebudayaan. *Al-madaniyyah* ialah istilah yang berasal daripada perkataan *madana* yang bermaksud membuka bandar atau kota, perbuatan duduk di bandar atau kota atau perbuatan memperhalus budi pekerti. Ia turut merujuk kepada perkataan *madani* yang bermakna suatu sifat yang berkaitan dengan proses membangunkan perbandaran serta memperhaluskan sikap dan budi pekerti; dan perkataan *madinah* yang bermakna bandar atau

kota misalnya Madinah al-Munawwarah, iaitu nama sebuah bandar yang dibangunkan oleh Rasulullah SAW. Dengan demikian, istilah *al-madaniyyah* bermaksud kemajuan dan memperluaskan peradaban.<sup>14</sup>

Daripada makna tiga istilah tersebut, terdapat persamaan dan perbezaan antara ketiga-tiganya. Dalam konteks persamaan, ketiga-tiga istilah mengandungi elemen intelek dan kreativiti. Elemen intelek merujuk kepada kebijaksanaan seseorang dalam memahami ilmu atau sesuatu dengan mendalam. Elemen kreativiti pula merujuk kepada aktiviti kesenian yang dibangunkan oleh mereka yang berkemahiran. Dalam konteks perbezaan pula didapati bahawa makna *al-thaqafah* tidak mengandungi elemen jasmani. Elemen jasmani merujuk kepada perbuatan manusia membangunkan sesebuah tempat seperti bandar atau kota untuk didiami secara tetap. Elemen ini hanya wujud dalam makna *al-hadarah* dan *al-madaniyyah*.

Melalui penghuraian yang dilakukan, terdapat tiga istilah yang sering digunakan dalam perbincangan tentang kebudayaan, iaitu *al-thaqafah*, *al-hadarah* dan *al-madaniyyah*. Namun, kajian ini mendapati bahawa *al-thaqafah* merupakan istilah yang hampir kepada makna kebudayaan. Ia berdasarkan elemen intelek dan kreativiti yang digunakan dalam usaha membangunkan kehidupan melalui proses pembelajaran dan pemahaman agar dapat disesuaikan dengan keadaan sekeliling. Merujuk kepada pandangan Malik Bennabi, iaitu seorang sarjana Islam terkemuka dalam bidang peradaban pada abad ke-20, “...*al-thaqafah nazariyyah fi al-suluk...*”<sup>15</sup> Ia bermakna kebudayaan ialah teori tingkah laku manusia. Teori tingkah laku ialah suatu himpunan sifat akhlak dan nilai sosial yang mempengaruhi setiap individu sejak lahir. Dalam erti kata lain, kebudayaan merupakan suatu lingkungan persekitaran yang bertanggungjawab membentuk personaliti dan karakter setiap individu.<sup>16</sup>

Walau bagaimanapun, jika merujuk kepada istilah *al-hadarah* dan *al-madaniyyah* pula, dua istilah tersebut lebih bersesuaian dengan makna peradaban. Ia berdasarkan gabungan elemen intelek, kreativiti dan jasmani seperti proses pemahaman ilmu atau sesuatu secara mendalam, aktiviti kesenian serta perbuatan tinggal menetap. Gabungan tiga elemen tersebut merupakan suatu tahap perkembangan kebudayaan yang tinggi, yang turut merujuk kepada ciri sebuah peradaban.

Akhirnya, dapat disimpulkan bahwa kebudayaan menurut perspektif Barat dan Islam berbeza daripada konteks penggunaan istilah dan elemen yang terkandung di dalamnya. Barat mengguna pakai istilah *culture* yang mengandungi elemen ritual atau kerohanian seperti proses pemujaan, elemen jasmani seperti pengurusan sumber semula jadi bumi, dan elemen intelek seperti pemupukan akal fikiran. Kebudayaan menurut perspektif Islam pula lebih tepat merujuk kepada istilah *al-thaqafah* yang mengandungi elemen intelek seperti proses pemahaman terhadap sesuatu dengan lebih mendalam dan elemen kreativiti seperti proses kemahiran berbentuk kesenian.

### MAKNA ILMU DARIPADA KONTEKS BARAT DAN ISLAM

Dari konteks Barat, istilah ilmu disebut sebagai *knowledge* yang bermaksud ilmu pengetahuan. Ia berasal daripada perkataan *know* yang bererti pernyataan buah fikiran untuk menghapuskan kejahilan dan melengkapkan kemurnian akal fikiran, ataupun untuk mengetahui sepenuhnya tentang sesuatu. Perkataan *knowledge* pula membawa maksud ilmu tentang manusia, sesuatu benda, atau memperoleh sesuatu pandangan melalui maklumat daripada fakta tentang sesuatu.<sup>17</sup>

Selain itu, istilah *knowledge* turut membawa maksud kepakaran dan kemahiran yang diperoleh oleh manusia melalui pengalaman atau pendidikan, pemahaman sesuatu subjek secara teori dan praktikal; apa yang diketahui dalam bidang tertentu atau secara keseluruhannya, fakta-fakta dan maklumat; atau memperoleh kesedaran atau kebiasaan melalui pengalaman secara nyata atau berdasarkan situasi tertentu.<sup>18</sup>

Berdasarkan kepada maksud *knowledge* tersebut, terdapat tiga elemen utama dalam ilmu pengetahuan, iaitu kepakaran dan kemahiran yang diperoleh oleh manusia bermaksud proses pemerolehan ilmu, sama ada melalui pengalaman atau pembelajaran, secara teori ataupun praktikal dapat membentuk seseorang menjadi pakar atau mahir tentang sesuatu ilmu. Selain itu, ilmu ialah pengetahuan yang diperoleh melalui fakta-fakta atau maklumat-maklumat tertentu yang bermaksud sebarang fakta dan maklumat yang diketahui oleh manusia sama ada melalui buku dan pembelajaran. Ilmu juga ialah memperoleh kesedaran atau kebiasaan yang bermaksud proses pemerolehan sesuatu ilmu ialah berdasarkan kepada pengalaman yang ditempuhi oleh manusia sama ada secara realiti, iaitu melalui pemerhatian (*observation*), atau pengalaman sosial seperti adat resam.<sup>19</sup>

Selain *knowledge*, istilah *science* turut membawa maksud ilmu pengetahuan. *Science* merupakan istilah yang berasal daripada bahasa Yunani, iaitu *scientia* yang bermaksud pengetahuan. Istilah sains (*science*) bermaksud ilmu yang diperoleh melalui pembelajaran formal yang menekankan kebenaran, mengandungi fakta-fakta yang sistematik, serta mengetengahkan satu metode yang sentiasa mencari kebenaran atau fakta-fakta yang baru.<sup>20</sup> *Science* juga bermaksud satu daripada cabang pengajian ilmu yang menitikberatkan kebenaran yang pada kebiasaannya terbahagi kepada tiga cabang utama, iaitu sains abstrak seperti matematik; sains fizikal seperti astronomi, kimia, fizik dan geologi; dan sains biologi seperti biologi dan zoologi.<sup>21</sup>

Daripada penghuraian makna *knowledge* dan *science* tersebut, terdapat beberapa elemen persamaan di antara kedua-duanya, iaitu pengetahuan ialah apa yang diperoleh melalui proses pembelajaran dan fakta-fakta serta maklumat-maklumat tentang manusia atau sesuatu perkara. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perbezaan antara pengetahuan (*knowledge*) dan sains (*science*), iaitu *knowledge* merujuk kepada proses pemahaman secara menyeluruh tentang sesuatu perkara sama ada secara teori mahupun praktikal. Sementara itu, sains merujuk kepada sistem pemerolehan ilmu berteraskan kaedah saintifik seperti menjalankan eksperimen, uji kaji dan penyelidikan, amat menekankan kebenaran sesuatu fakta dan terdapat beberapa cabang ilmu di dalamnya.<sup>22</sup>

Secara ringkasnya, perbincangan tentang ilmu pengetahuan di Barat sering kali menggunakan istilah *knowledge* dan *science*. Dua istilah tersebut membawa maksud dalam konteks yang sama, merujuk kepada makna pengetahuan. Walau bagaimanapun, kedua-dua istilah berkenaan membawa pendekatan yang berbeza dari sudut konsep yang diketengahkan oleh kedua-duanya.

Dari konteks Islam, kajian ini mendapati bahawa Islam merupakan satu-satunya agama yang amat menekankan kepentingan ilmu dunia dan akhirat kepada setiap umatnya serta mengangkat tinggi darjat orang-orang yang berilmu. Ia bertepatan dengan firman Allah Taala dalam Surah al-Mujadilah (58):11 yang bermaksud:



“Hai orang-orang beriman apabila dikatakan kepadamu: “Berlapang-lapanglah dalam majlis”, maka lapangkanlah nescaya Allah akan memberi kelapangan untukmu. Dan apabila dikatakan: “Berdirilah kamu,” maka berdirilah, nescaya Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.”

Perkataan ilmu adalah istilah yang berasal daripada bahasa Arab, iaitu ‘ilm. Istilah ‘ilm berasal daripada akar kata ‘ain-lam-mim (علم) yang diambil daripada perkataan ‘alama yang bermaksud tanda atau simbol, petunjuk yang dengannya sesuatu atau seseorang dikenali, kognisi atau label dan ciri;<sup>23</sup> dan perkataan ‘alima yang bermaksud mengetahui, memberi kesedaran, memberi maklumat, belajar untuk mengetahui dalam mengenal pasti dan membezakan sesuatu. Dengan demikian, istilah ‘ilm bermaksud pengetahuan, pelajaran yang diperoleh daripada proses pembelajaran, kesedaran, maklumat, kognisi, pemikiran dan persepsi.<sup>24</sup> Ilmu dalam Islam ialah ilmu mengenal Allah Taala seperti ilmu wahyu, iaitu ilmu yang berasaskan al-Quran dan al-Hadith, dan ilmu sains tabii dan kemasyarakatan, iaitu ilmu yang diperoleh melalui uji kaji dan pemerhatian.<sup>25</sup>

Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam bukunya bertajuk, *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam* (2007) menyatakan bahawa ilmu ialah “suatu gerak-daya memperoleh pengetahuan dan merujuk kepada suatu sifat yang berada pada sesuatu (insan) yang hidup.”<sup>26</sup> Bermakna, sesuatu pengetahuan yang diperoleh dan dimiliki oleh manusia dikenali sebagai ilmu. Hanya manusia yang mempunyai keistimewaan untuk memperoleh dan memilikinya kerana kelebihan akal yang dikurniakan oleh Tuhan Yang Maha Mencipta.

Seterusnya dalam kitab *Lisan al-‘Arab*, istilah ‘ilm bermaksud pengetahuan, lawan kepada kejahilan, dan orang yang berilmu dikenali sebagai ‘ulama’. Selain itu, ilmu merupakan salah satu daripada sifat Allah Taala, iaitu al-‘Alim yang bermaksud Yang Maha Mengetahui sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah al-Hasr (59) ayat 22.<sup>27</sup>

Istilah ‘ilm berasal daripada perkataan ‘alama yang merujuk kepada dua elemen, iaitu tanda dan petunjuk yang membawa kepada pengenalan terhadap sesuatu, dan istilah ‘alima pula merujuk kepada empat elemen,

iaitu pengetahuan, kesedaran, maklumat dan pelajaran terhadap sesuatu yang mana keempat-empat elemen berkenaan diperoleh melalui proses pembelajaran. Bermakna, mereka yang memiliki ilmu ialah mereka yang berpengetahuan dan bermaklumat. Akhirnya, ilmu turut memberi petunjuk kepada seseorang yang mana dengan ilmu seseorang itu terkeluar atau jauh daripada kejahilan kerana ilmu itu sendiri adalah lawan kepada kejahilan.

## HUBUNGAN BUDAYA DAN ILMU DARI KONTEKS BARAT

Budaya dan ilmu mempunyai perhubungan yang rapat. Ilmu merupakan asas kepada penghasilan budaya. Budaya yang dihasilkan dipengaruhi oleh nilai ilmu. Hal ini demikian kerana ilmu yang baik akan menghasilkan budaya yang baik, sebaliknya ilmu yang tidak baik akan menghasilkan budaya yang tidak baik.<sup>28</sup>

Selain itu, hubungan budaya dan ilmu juga membawa maksud kaitan antara kemajuan ilmu dan pembentukan budaya. Kaitan tersebut dilihat dari sudut ilmu sebagai sumber pengetahuan yang membolehkan manusia membangunkan budaya. Budaya yang dibangunkan akan menggerakkan kemajuan ilmu berdasarkan penekanan dan pemahaman terhadap ilmu. Apabila masyarakat memberi penekanan yang tinggi terhadap ilmu maka wujud budaya ilmu dalam masyarakat terbabit.<sup>29</sup>

Kaitan antara budaya dan ilmu begitu rapat sehingga sukar dibezakan kesan daripada kedua-duanya secara berasingan. Sebagaimana yang dinyatakan di atas, ilmu menghasilkan budaya, dan budaya ilmu yang dihasilkan akan menggerakkan kemajuan ilmu. Apabila ilmu berkembang ia akan menggerakkan proses pembudayaan ilmu. Daripada proses hubungan tersebut telah meninggalkan kesan dalam sejarah Barat. Antara kesan yang timbul ialah lahirnya golongan ilmuwan, tumbuhnya pelbagai bidang dan disiplin ilmu serta terbinanya institusi keilmuan.<sup>30</sup>

Dalam konteks kelahiran golongan ilmuwan, hubungan budaya dan ilmu dari satu sudut telah melahirkan golongan sarjana yang pakar dalam pelbagai bidang ilmu. Mereka telah memberi sumbangan idea pemikiran dan penulisan ilmiah dalam bidang masing-masing. Ilmuwan dan sumbangan ilmiah mereka telah memberi impak kepada kemajuan dan pembangunan kebudayaan Barat.<sup>31</sup> Golongan ilmuwan yang pernah lahir dalam sejarah

Barat bermula seawal zaman klasik. Mereka yang terkenal pada zaman ini ialah Socrates (470-399 S.M.), Plato (428/7-348/7 S.M.), Aristotle (384-322 S.M.), Epicurus (341-270 S.M.), Epictetus (50 S.M.-130 M.) dan Plotinus (204-270 M.). Selepas zaman klasik, muncul ilmuwan pada zaman pertengahan sekitar abad ke-3 hingga 15 M, seperti Saint Augustine (354-430 M.), Moses Maimonides (1135-1204 M.), Thomas Aquinas (1225-1274 M.), John Duns Scotus (1265-1308 M.), William of Ockham (1285-1349 M.) dan Nicholas Cusanus (1401-1464 M.). Akhirnya, pada zaman moden sekitar abad ke 15-19 M, muncul tokoh seperti René Descartes (1596-1650 M.), Thomas Hobbes (1588-1679 M.), Baruch Spinoza (1632-1677 M.), John Locke (1632-1704 M.), Gottfried Leibniz (1646-1716 M.), George Berkeley (1685-1753 M.), David Hume (1711-1776 M.) dan Immanuel Kant (1724-1804 M.).<sup>32</sup>

Selain itu, hubungan budaya dan ilmu daripada sudut yang lain telah menggerakkan pertumbuhan pelbagai bidang dan disiplin ilmu. Pertumbuhan ilmu tersebut digerakkan oleh golongan ilmuwan. Disiplin ilmu yang diketengahkan ialah falsafah dan cabang-cabangnya, iaitu logik, estetika, etika, politik dan metafizik yang bermula pada zaman klasik atau Greek-Yunani.<sup>33</sup> Seterusnya pada zaman moden pula muncul dan tersebar nya ilmu seperti teologi, moral, sains kemanusiaan dan sains tabii seperti astronomi, perubatan, matematik, fizik, kimia dan biologi.<sup>34</sup>

Selanjutnya, hubungan budaya dan ilmu turut menggerakkan proses pembinaan institusi keilmuan. Proses pembinaan tersebut berlaku apabila ramai ilmuwan muncul bersama dengan kepelbagaian bidang dan disiplin ilmu. Institusi keilmuan yang terkemuka dibina seawal zaman klasik, iaitu Academy yang diasaskan oleh Plato; Lyceum yang diasaskan oleh Aristotle; dan Garden yang diasaskan oleh Epicurus.<sup>35</sup> Kemudian, institusi keilmuan terus dibangunkan khususnya pada abad ke-13-14 Masihi di kawasan Eropah seperti *University of Paris* di Perancis, *University of Cambridge* dan *University of Oxford* di London dan Sekolah Perubatan (*Medical School*) Salerno di Itali.<sup>36</sup>

Dilihat dari aspek perkembangan ilmu di Barat jelas hanya berlaku pada zaman klasik dan moden sahaja. Hal ini selaras dengan perkembangan disiplin ilmu dan institusi keilmuan yang hanya berlaku pada zaman klasik dan moden, tetapi tidak pada zaman pertengahan. Zaman pertengahan

merupakan zaman kegelapan di Barat. Pada zaman tersebut tidak berlaku sebarang perkembangan dalam pertumbuhan disiplin ilmu serta institusi keilmuan. Menurut Michael Postan, “...*the Middle Ages were the age of faith, and to that extent they were unfavourable to scientific speculation.*”<sup>37</sup>

Seperkara lagi yang dapat diperhatikan dalam tamadun Barat ialah agama terpisah dalam ilmu dan budaya mereka. Pemisahan agama mempengaruhi kemajuan ilmu dan pembudayaannya. Apabila agama dipisahkan daripada ilmu dan budaya, maka golongan ilmuwan yang lahir bukan dari golongan ahli agama. Disiplin ilmu yang berkembang juga terpisah daripada agama kerana menolak konsep wahyu ketuhanan.<sup>38</sup>

Pemisahan agama daripada ilmu dan budaya berlaku khususnya pada zaman klasik dan moden. Berlainan pada zaman pertengahan, agama begitu dititikberatkan. Namun, keutamaan terhadap agama telah menyebabkan berlakunya kemerosotan kemajuan ilmu dan budayanya. Zaman pertengahan merupakan zaman yang menolak ilmu khususnya sains tabii. Hal ini disebabkan sains dianggap ilmu yang bertentangan dengan agama. Keutamaan terhadap agama dan penolakan terhadap ilmu menyebabkan Barat mengalami kemerosotan dalam ilmu dan budaya.<sup>39</sup>

Berdasarkan huraian di atas, dapat disimpulkan bahawa wujud hubungan antara budaya dan ilmu dari konteks sejarah Barat. Hubungan tersebut berdasarkan ilmu sebagai asas dalam membangunkan budaya, dan budaya yang dibangunkan akan menggerakkan kemajuan ilmu. Kemajuan ilmu akan menyuburkan budaya ilmu masyarakat. Daripada hubungan timbal balik tersebut maka, lahir golongan ilmuwan, tumbuhnya pelbagai bidang dan disiplin ilmu serta terbinanya institusi keilmuan dalam kebudayaan Barat.

## HUBUNGAN BUDAYA DAN ILMU DARI KONTEKS ISLAM

Selain Barat, kajian ini mendapati bahawa Islam turut mengakui kewujudan hubungan antara budaya dan ilmu. Ilmu merupakan asas dalam membangunkan budaya, iaitu sebagai sumber pengetahuan kepada manusia dalam membangunkan budaya. Budaya yang dibangunkan adalah berasaskan ilmu kerana ilmu diletakkan di tingkat tertinggi dalam kehidupan manusia.<sup>40</sup>

Oleh itu, wujud hubungan timbal balik di antara budaya dan ilmu. Hubungan timbal balik tersebut telah menggerakkan proses kemajuan ilmu sehingga membentuk budaya ilmu.<sup>41</sup> Budaya ilmu terhasil apabila masyarakat begitu menitikberatkan ilmu dan menghayatinya. Penekanan dan penghayatan terhadap ilmu berlaku apabila umat Islam bersungguh-sungguh belajar dan memajukan ilmu pengetahuan.<sup>42</sup>

Berdasarkan hubungan timbal balik antara budaya dan ilmu tersebut telah memberi kesan kepada sejarah Islam. Kesan yang wujud adalah kaitan antara kemajuan ilmu dan pembudayaannya dalam kalangan masyarakat. Kesan yang dimaksudkan ialah lahirnya golongan ilmuwan, tumbuhnya pelbagai bidang dan disiplin ilmu serta institusi keilmuan.<sup>43</sup>

Dalam sejarah Islam, hubungan antara budaya dan ilmu dari satu sudut telah melahirkan golongan ilmuwan. Golongan tersebut bermula dari kalangan para nabi, iaitu Nabi Adam a.s., diikuti oleh para nabi dan rasul selepasnya sehingga nabi terakhir, iaitu Nabi Muhammad SAW. Para nabi dan rasul tersebut membawa ajaran agama yang disebarkan kepada seluruh manusia dengan satu tujuan yang utama, iaitu mentauhidkan Allah Taala. Selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW, golongan Khulafa' al-Rashidin dan para sahabat meneruskan legasi keilmuan Baginda SAW.<sup>44</sup> Antara ilmuwan Islam yang muncul pada zaman Khulafa al-Rashidin ialah Abdullah bin Mas'ud (m. 653 M), Zaid bin Thabit (610-660 M), Abu Hurairah (603-681 M) dan 'Abdullah bin 'Abbas (618/619-687 M). Pada zaman Bani Umayyah pula muncul ilmuwan seperti 'Umar Abd Aziz (682-720 M), Hasan al-Basri (642-728 M) dan Abu Bakr bin Muhammad bin Hazm (m. 737 M). Seterusnya ilmu mengalami perkembangan yang pesat semasa zaman Bani Abbasiyyah dengan kemunculan ilmuwan Islam yang menguasai pelbagai bidang ilmu. Misalnya Jabir Ibn Hayyan (721-815 M), Abu Abdullah Muhammad Ibn Musa al-Khwarizmi (780-850 M), Muhammad Ibn Zakariyya al-Razi (865-925 M), Abu al-Hasan Ibn al-Husayn Ibn Ali al-Mas'udi (896-956 M), Abu al-Wafa Muhammad Ibn Muhammad Yahya Ibn Isma'il Ibn al-'Abbas al-Buzjani (940-998 M), Abu al-Rayhan Muhammad Ibn Ahmad al-Biruni (973-1048 M), Abu 'Ali al-Husayn Ibn 'Abdullah Ibn Sina (980-1037 M) dan 'Umar Khayyam (1048-1131 M).<sup>45</sup>

Seterusnya, hubungan budaya dan ilmu dari sudut yang lain telah menggerakkan pertumbuhan pelbagai bidang dan disiplin ilmu. Ia digerakkan oleh golongan ilmuwan. Misalnya semasa zaman Nabi Muhammad SAW tumbuh pesat ilmu keagamaan seperti al-Quran dan asas-asas agama seperti akhlak, fiqh dan tajwid, serta ilmu sejarah, bahasa-bahasa asing dan ilmu seperti menunggang kuda, memanah dan berenang. Kemudiannya semasa zaman Khulafa' al-Rashidin, ilmu yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW terus diajar, dipraktik dan disebar kepada seluruh masyarakat. Semasa zaman Bani Umayyah, muncul ilmu Usul al-Din, ilmu kalam, undang-undang Islam, ulum al-Hadith, tafsir al-Quran, bahasa dan sastera. Ilmu terus mengalami perkembangan yang pesat dengan kemunculan ilmu sains dan falsafah semasa zaman Bani Abbasiyyah. Antara bidang ilmu sains yang muncul ialah perubatan, astronomi, fizik, kimia, biologi dan matematik serta cabang-cabangnya seperti aritmetik, geometri, trigonometri dan algebra, manakala bidang ilmu falsafah yang muncul ialah metafizik, etika dan logik.<sup>46</sup>

Selain itu, hubungan budaya dan ilmu turut menggerakkan proses pertumbuhan institusi keilmuan. Ia berlaku apabila golongan ilmuwan menyebarkan dan mempraktikkan pelbagai ilmu yang ada di tempat tertentu seperti masjid, institut, kolej, perpustakaan dan sebagainya. Setiap institusi tersebut dibina bertujuan sebagai tempat untuk belajar, mengajar, mencari ilmu, menyelidik, menulis, berwacana dan bertukar-tukar pandangan. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas;

“...konsep Islam tentang universaliti ilmu pengetahuan yang tercermin dalam kata *kulliyah* tidak dibatasi pengertiannya pada tempat pendidikan tertentu. Istilah *kulliyah* mencerminkan sebuah sistem aturan dan disiplin dalam organisasi dan sistem penanaman serta penyebaran ilmu, baik di masjid (*jami'*), institut (*maktab*), kolej (*madrakah*), perpustakaan (*bayt al-hikmah*), majlis ilmu daripada kumpulan pemikir dan pelajar (*majalis*), pusat sains (*dar al-'ulum*), rumah sakit, tempat-tempat penyelidikan, dan tempat para sufi (*zawiyah*).”<sup>47</sup>

Institusi keilmuan yang terkenal pada awal penyebaran Islam, iaitu semasa zaman Nabi Muhammad SAW, ialah rumah Baginda SAW serta rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam yang terletak di Bukit Safa. Selain itu,

masjid turut dijadikan pusat pengajian ilmu secara tidak formal seperti Masjid Quba' dan Masjid Nabawi yang dibina di Madinah. Pada zaman Khulafa' al-Rashidin, antara institusi keilmuan yang dibina ialah Madrasah Makkah di Semenanjung Arab, Madrasah Madinah di Madinah, Madrasah Basrah dan Madrasah Kufah di Iraq, Madrasah Damsyik di Syria dan Madrasah Fustat di Mesir. Pada zaman Bani Umayyah, institusi yang dijadikan pusat penyebaran ilmu ialah masjid, istana dan *kuttab*. Masjid sebagai sebuah institusi ilmu seperti Masjid Umawiyy di Damsyik, Masjid Basrah dan Masjid Kufah di Iraq dan Masjid Fustat di Mesir. Istana yang dijadikan sebagai institusi ilmu ialah istana Khalifah Bani Umayyah. Selain masjid dan istana, *kuttab* turut dibina seperti *Kuttab al-Sabil*, iaitu sebuah institusi ilmu yang dibina khusus untuk memberi pendidikan kepada golongan miskin. Selanjutnya ialah zaman Bani Abbasiyyah dengan terbinanya institusi seperti *Bayt al-Hikmah* dan Universiti al-Nizamiyyah di Baghdad, Universiti al-Zaytuna di Tunis, Universiti Fatimiyyah dan Universiti al-Azhar di Mesir. Setiap masjid dan semua tempat pendidikan dalam Islam dianggap sebagai tempat ilmu pengetahuan atau institusi keilmuan yang universal dalam kebudayaan Islam.<sup>48</sup>

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa hubungan budaya dan ilmu sememangnya wujud dalam sejarah Islam. Hal ini demikian kerana Islam menjadi dasar utama yang membentuk hubungan antara ilmu dan budaya. Ilmu diakui sebagai asas dalam membina budaya. Budaya yang dibina dapat menggerakkan kemajuan ilmu. Daripada kemajuan ilmu yang berlaku dapat menggerakkan proses pembudayaan ilmu. Akhirnya, daripada proses hubungan timbal balik antara budaya dan ilmu telah melahirkan golongan ilmuwan, muncul pelbagai bidang dan disiplin ilmu serta institusi keilmuan.

#### ANALISIS HUBUNGAN BUDAYA DAN ILMU DARIPADA KONTEKS BARAT DAN ISLAM

Berdasarkan hubungan antara budaya dan ilmu dari konteks Barat dan Islam di atas, kajian ini mendapati bahawa ilmu menghasilkan budaya, dan budaya yang dihasilkan membangunkan ilmu. Pembangunan ilmu tersebut akan mewujudkan budaya ilmu. Namun, pembudayaan ilmu yang berlaku dalam tamadun Barat adalah berbeza dengan tamadun Islam. Perbezaan tersebut

jelas berdasarkan nilai dan kedudukan agama bagi tamadun Barat dan Islam. Perbezaan nilai dan kedudukan agama telah memberi impak yang berlainan daripada hubungan budaya dan ilmu dua buah tamadun berkenaan.

Persoalannya, apakah nilai dan kedudukan sebenar agama bagi tamadun Barat dan Islam? Bagi tamadun Barat, agama tidak mempunyai nilai dan kedudukan yang istimewa kepada masyarakatnya. Malah, ada segelintir di antara mereka mengesampingkan agama dan ada yang lebih teruk meminggirkan terus agama daripada kehidupan. Keadaan ini selaras dengan anggapan Nietzsche bahawa “...*the collapse of religious faith...at the same time, the death of God meant...the opening of a new day, a day when the essentially life-denying ethics of Christianity...*”.<sup>49</sup>

Kenyataan di atas turut diakui oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam bukunya, *Risalah Untuk Kaum Muslimin* yang menyatakan bahawa;

“Sesungguhnya kebudayaan Barat telah sejak dahulu kala menceraikan agama dari kehidupan sehari-hari, dan hanya memeluk tradisi atau perbendaharaan adat yang diwarisi berturun-temurun, kesenian, falsafah dan ilmu pengetahuan sains dan teknologi sebagai dasar hidup mereka. Pemungkiran dari kepercayaan terhadap agama, yang telah menjadi sifat bawaannya itu, kemudian diperkukuh pula oleh kekecewaannya dalam pengalaman beragamaan agama Kristian, yang tiada berhasil menjamin keyakinan dan yang penuh dengan dugaan.”<sup>50</sup>

Namun, kenapa agama dipinggirkan daripada kehidupan mereka? Keadaan ini berlaku kerana kebanyakan masyarakat Barat menolak konsep wahyu ketuhanan. Konsep wahyu ketuhanan yang ditolak oleh mereka ialah kepercayaan tauhid atau keesaan Tuhan yang merujuk kepada Tuhan Yang Tunggal, iaitu Allah Taala. Buktinya, sejak zaman manusia awal kepercayaan beragama dalam kalangan masyarakat Barat adalah berasaskan politeisme, iaitu kepercayaan kepada banyak Tuhan seperti dewa-dewi. Anthony Esler dalam bukunya, *The Western World: A Narrative History, Prehistory to the Present* menyatakan bahawa kepercayaan beragama masyarakat “...*like that of most early civilizations, was politeistic.*”<sup>51</sup> Fahaman politeistik turut menjadi tunjang asas bagi agama Kristian yang merupakan agama anutan dan kepercayaan kebanyakan masyarakat Barat. Agama Kristian



berasaskan konsep trinita, iaitu kepercayaan kepada tiga Tuhan merangkumi bapa Tuhan (*the father of God*), anak Tuhan (*the son of God*) dan *the Holy Spirit of God*.<sup>52</sup>

Tamadun Barat turut menolak konsep wahyu ketuhanan kerana tamadun ini adalah berteraskan falsafah bukan agama.<sup>53</sup> Falsafah merupakan asas yang menunjangi pembentukan tamadun Barat. Will Durant dalam bukunya, *The Story of Philosophy* menyatakan bahawa falsafah ialah “...a hypothetical interpretation of the unknown (as in metaphysics), or of the inexactly known (as in ethics or political philosophy)...”.<sup>54</sup> Falsafah menggunakan “...mythological stories of the gods to explain the operations of the world and of the self...to use reason, contemplation, and sensory observation to make sense of reality.”<sup>55</sup> Daripada faham falsafah tersebut telah menerbitkan pelbagai fahaman seperti dualisme, sekularisme dan humanisme. Setiap fahaman tersebut adalah berasaskan sekular, iaitu memisahkan agama daripada isi kandungannya. Fahaman tersebut telah berakar umbi dan menjadi inti sari penting bagi tamadun Barat.<sup>56</sup>

Seterusnya, pembuktian bahawa agama dipinggirkan daripada kehidupan masyarakat Barat difahami berdasarkan impak daripada hubungan antara budaya dan ilmu. Impak tersebut sebagaimana penjelasan pada dua subtopik di atas, iaitu kelahiran golongan ilmuwan, pertumbuhan pelbagai bidang dan disiplin ilmu, serta penubuhan institusi keilmuan. Dalam konteks kelahiran golongan ilmuwan adalah melibatkan mereka yang bukan dari kalangan agamawan. Kebanyakan ilmuwan Barat adalah dari kalangan ahli falsafah, iaitu golongan yang sentiasa mempersoal dan membincangkan tentang Tuhan dan ketuhanan, kejadian alam semesta dan penciptaan manusia.<sup>57</sup> Namun, persoalan dan perbincangan mereka tentang perkara tersebut dipengaruhi oleh mitos atau legenda masyarakat. Ia bermula dengan membentuk hipotesis yang kemudiannya berusaha mencari setiap jawapan daripada persoalan yang ditimbulkan yang disesuaikan dengan mitos dan rasio mereka. Akan tetapi, jawapan bagi setiap persoalan didasari oleh rasio atau penggunaan akal semata-mata dengan membelakangkan wahyu ketuhanan. Ia berdasarkan prinsip mereka yang menolak wahyu ketuhanan kerana dianggap bertentangan dengan logik akal. Ia turut dikaitkan dengan kepercayaan dan keyakinan mereka yang tidak berlandaskan keimanan kepada Tuhan Yang Esa.<sup>58</sup>

Seperkara lagi yang boleh diperhatikan daripada sikap masyarakat Barat yang meminggirkan agama daripada kehidupan berdasarkan anggapan mereka bahawa agama bertentangan dengan ilmu pengetahuan. Agama bertentangan dengan ilmu kerana ia dianggap menghalang pertumbuhan dan perkembangan bidang dan disiplin ilmu dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, bidang dan disiplin ilmu yang tersebar adalah berteraskan rasionalisme dan empirisisme yang terpisah daripada agama. Hal ini demikian kerana prinsip asas ilmu ialah berasaskan penyiasatan saintifik, penyelidikan berbentuk empirikal dan pemerhatian yang sistematik,<sup>59</sup> yang tidak bersandarkan wahyu ketuhanan. Asas ilmu tersebut telah berakar umbi dalam pemikiran dan kehidupan masyarakat Barat, yang mana mereka beranggapan bahawa “...many people who were not themselves scientists believed in science and attempted to apply scientific habits of thought to diverse problems of social and political life”.<sup>60</sup> Asas ilmu sedemikian menyebabkan bidang dan disiplin ilmu yang tersebar di Barat adalah berasaskan akal semata-mata seperti sains tabii dan sains sosial.

Selain kelahiran golongan ilmuwan dan pertumbuhan pelbagai bidang dan disiplin ilmu, agama turut dipinggirkan dalam asas pembinaan institusi keilmuan Barat. Ia dinilai berdasarkan matlamat dan fungsi utama asas pembinaan sesebuah institusi ilmu. Matlamat institusi ilmu dibina adalah untuk membentuk manusia menjadi seorang warganegara yang baik. Daripada matlamat tersebut, ia berfungsi untuk melatih minda dan memberi ilmu kepada warganya termasuk para penuntutnya. Matlamat dan fungsi institusi ilmu itu lebih terarah menghasil dan mengeluarkan seorang warganegara yang baik dalam usaha memenuhi kehendak masyarakat. Dalam *Encyclopedia of the Renaissance* dinyatakan bahawa institusi ilmu seperti universiti dibina kerana “...society needed more trained professionals as well. Monarchs, princes, and cities required civil servants...”.<sup>61</sup> Matlamat dan fungsi institusi ilmu tersebut telah meniadakan kepentingan membentuk dan melahirkan manusia yang baik berasaskan nilai agama kerana untuk melahirkan warganegara yang baik, tumpuan hanya difokuskan pada kepentingan negara semata-mata. Kepentingan negara Barat adalah berbentuk material dan fizikal semata-mata kerana sifatnya yang sekular yang meniadakan kepentingan agama dalam urusan kenegaraan.

Berdasarkan penjelasan di atas, jelas bahawa agama tidak mempunyai nilai dan kedudukan yang istimewa dalam kalangan masyarakat dalam tamadun Barat. Ketiadaan nilai serta kedudukan istimewa tersebut menyebabkan kesan daripada hubungan budaya dan ilmu terpisah daripada agama. Buktinya, ilmuwan yang lahir adalah dari kalangan bukan ahli agama, ilmu yang tersebar adalah berasaskan akal semata-mata, dan penubuhan institusi ilmu yang bermatlamat dan berfungsi pendidikan manusia supaya menjadi warganegara yang baik untuk kepentingan negara.

Dalam tamadun Islam pula, nilai dan kedudukan agama berbeza dengan tamadun Barat. Ia berbeza kerana masyarakat Islam meletakkan agama pada kedudukan tertinggi dan teristimewa yang diyakini sepenuhnya oleh diri mereka. Kepercayaan tersebut dijelmakan secara praktikalnya dalam kehidupan seharian melalui ibadat<sup>62</sup>, serta keseluruhan aspek lain seperti politik, ekonomi, undang-undang dan pendidikan. Persoalannya, kenapa agama begitu diutamakan dalam diri dan kehidupan masyarakat Islam?

Keutamaan terhadap agama berlaku dalam kalangan masyarakat Islam kerana keyakinan dan kepercayaan yang mendalam yang tidak berbelah bahagi kepada Allah Taala, iaitu Tuhan Yang Esa yang berkuasa atas segalanya. Keyakinan dan kepercayaan tersebut telah meletakkan Islam sebagai asas yang mendasari pembentukan tamadun Islam.<sup>63</sup>

Keyakinan dan kepercayaan tersebut memberi impak yang berbeza hasil daripada hubungan budaya dan ilmu dalam tamadun Islam. Ia dikesan berdasarkan kelahiran golongan ilmuwan, pertumbuhan pelbagai bidang ilmu dan penubuhan institusi keilmuan yang berasaskan nilai-nilai Islam. Buktinya, golongan ilmuwan yang lahir adalah daripada kalangan ulama. Golongan ulama tersebut bermula dalam kalangan para nabi, iaitu Nabi Adam a.s., yang kemudiannya diikuti oleh para nabi yang lain sehingga nabi terakhir, iaitu Nabi Muhammad SAW. Legasi keilmuan Islam berkembang dengan kemunculan ilmuwan daripada kalangan para sahabat Baginda SAW, khususnya semasa pemerintahan Khulafa' al-Rashidin, Bani Umayyah dan Abbasiyyah. Ia kemudian diteruskan pada zaman Turki Uthmaniyyah dan zaman seterusnya. Ilmuwan Islam tersebut merupakan mereka yang meyakini sepenuhnya konsep wahyu ketuhanan berasaskan tauhid, iaitu kepercayaan kepada Tuhan Yang Esa Allah Taala.<sup>64</sup>

Daripada ilmuwan Islam tersebut, menyebabkan ilmu yang wujud dan tersebar adalah berasaskan nilai Islam. Ia dibuktikan melalui penyebaran ilmu yang pelbagai bidang dan disiplin yang berasas dan bermatlamatkan dunia dan akhirat. Bidang dan disiplin ilmu tersebut merangkumi ilmu naqli dan aqli. Ilmu naqli ialah berasaskan al-Quran dan al-Hadith seperti ilmu asas agama, tafsir al-Quran dan al-Hadith. Ilmu aqli pula berasaskan akal yang disandarkan kepada al-Quran dan al-Hadith merangkumi sains tabii dan sains sosial.<sup>65</sup>

Selain kelahiran golongan ilmuwan dan penyebaran pelbagai bidang dan disiplin ilmu, hubungan budaya dan ilmu turut menggerakkan pertumbuhan institusi keilmuan. Institusi keilmuan dibina dengan berpaksikan nilai-nilai Islam. Nilai Islam diserapkan dalam pembinaan sesebuah institusi khususnya dalam matlamat dan fungsi ia ditubuhkan. Matlamat institusi ilmu dibina adalah untuk mendidik manusia menjadi khalifah Allah yang berilmu dan berakhlak. Fungsinya pula ialah membentuk dan menghasilkan manusia yang berkualiti dengan meneladani Nabi Muhammad SAW. Baginda SAW merupakan teladan terbaik yang dimiliki tamadun Islam dalam merealisasikan matlamat dan fungsi pembinaan sesebuah institusi ilmu. Syed Muhammad Naquib al-Attas menegaskan,

*“...the Islamic university must reflect the Holy Prophet in terms of knowledge and right action; and its function is to produce men and women resembling him as near as possible in quality, each one according to his inherent capacities and potentials; to produce good men and women; to produce men and women of adab, in emulation of him who said: “My Lord educated me, and so made my education most excellent.”<sup>66</sup>*

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas bahawa agama begitu bernilai kepada masyarakat dalam tamadun Islam. Agama tersebut merujuk kepada Islam yang diyakini dengan sepenuh keyakinan oleh para penganutnya. Nilai dan keyakinan tersebut telah mewujudkan suatu bentuk perhubungan di antara budaya dan ilmu yang berteraskan Islam. Ia dibuktikan melalui impak daripada hubungan tersebut yang menghasilkan ilmuwan yang berstatus agamawan, pertumbuhan ilmu yang seimbang merangkumi ilmu naqli dan aqli, serta pembinaan institusi keilmuan yang bermatlamat dan berfungsikan pendidikan manusia supaya menjadi seorang yang baik, berakhlak dan berilmu.

Nilai dan kedudukan agama tersebut boleh difahami melalui kesan daripada hubungan budaya dan ilmu kepada tamadun Barat dan Islam. Kesan tersebut ialah kelahiran golongan ilmuwan, penyebaran pelbagai bidang dan disiplin ilmu dan penubuhan institusi keilmuan. Dari konteks kelahiran ilmuwan, tamadun Barat telah melahirkan ilmuwan yang bukan daripada kalangan agamawan seperti ahli falsafah, manakala tamadun Islam melahirkan golongan ilmuwan daripada kalangan agamawan seperti para nabi, para sahabat Nabi Muhammad SAW serta ulama yang mewarisi keilmuan daripada Baginda SAW. Penyebaran bidang dan disiplin ilmu di Barat adalah berasaskan akal semata-mata seperti sains tabii dan sains sosial, sementara penyebaran ilmu dalam tamadun Islam berasaskan wahyu dan akal merangkumi ilmu naqli seperti ilmu al-Quran, serta ilmu aqli seperti sains tabii dan sains sosial. Melalui konteks penubuhan institusi keilmuan, Barat menekankan matlamat dan fungsi untuk melahirkan warganegara yang baik demi kepentingan dunia semata-mata. Sementara itu, Islam menetapkan matlamat dan fungsi penubuhan institusi keilmuannya adalah untuk mendidik dan melahirkan manusia yang baik demi kepentingan dunia dan akhirat.

## KESIMPULAN

Berdasarkan keseluruhan perbincangan, dapat disimpulkan bahawa budaya dan ilmu saling berhubung kait antara satu sama lain. Hubungan tersebut difahami melalui saling kebergantungan secara timbal balik antara budaya dan ilmu. Ilmu menghasilkan budaya. Budaya yang dihasilkan membangunkan ilmu. Pembangunan ilmu yang berlaku telah mewujudkan proses pembudayaan ilmu.

Keadaan ini menjelaskan berlakunya hubungan timbal balik antara budaya dan ilmu. Daripada hubungan timbal balik tersebut telah meninggalkan impak atau kesan kepada sejarah ketamadunan manusia khususnya Barat dan Islam. Impak yang dikenal pasti ialah lahir golongan ilmuwan, tumbuh pelbagai bidang dan disiplin ilmu dan terbina pelbagai institusi keilmuan. Namun, impak daripada hubungan budaya dan ilmu berbeza antara tamadun Barat dan Islam berdasarkan nilai dan kedudukan agama yang berbeza antara dua tamadun tersebut. Tamadun Barat

memisahkan agama dalam kehidupan merangkumi aspek kebudayaan dan keilmuan, manakala tamadun Islam begitu mengutamakan agama dalam seluruh aspek kehidupan termasuk dalam kebudayaan dan keilmuan.

Namun realitinya kini, kesan daripada hubungan budaya dan ilmu antara Barat dan Islam jelas berbeza. Ia dikesan berdasarkan pendorongan Barat dalam pembangunan dan perkembangan bidang keilmuan oleh masyarakatnya di seluruh dunia termasuk dunia Islam. Masyarakat dalam dunia Islam turut menghadapi pelbagai krisis hingga menyebabkan pembangunan ilmu dalam kalangan mereka agak perlahan. Kesan tersebut boleh difahami melalui penguasaan pelbagai bidang dan disiplin ilmu masyarakat Barat yang mengatasi masyarakat Islam khususnya dalam bidang sains dan teknologi. Penguasaan bidang ilmu tersebut dilihat melalui pencapaian masyarakat Barat dalam penciptaan pelbagai alatan teknologi seperti dalam bidang perkomputeran, persenjataan dan aeroangkasa, serta penghasilan ubat-ubatan dalam bidang perubatan yang jauh lebih canggih dan berinovatif tinggi berbanding masyarakat Islam. Selain itu, pertumbuhan, pembangunan dan perkembangan pesat institusi keilmuan Barat seperti kolej dan universiti jauh meninggalkan institusi keilmuan Islam. Bukti tersebut dilihat melalui bilangan kolej dan universiti di Barat lebih banyak berbanding universiti di dunia Islam. Malah, bukti lain turut dikesan melalui kualiti dan status kolej dan universiti di Barat yang jauh lebih baik dan berada di hadapan berbanding dengan dunia Islam yang kualiti universitinya masih dipertikai oleh masyarakat termasuk daripada kalangan masyarakatnya sendiri.

## NOTA

- <sup>1</sup>Edward B. Tylor. 1871. *Primitive Culture: Researches into the Development of Mythology, Philosophy, Religion, Art and Custom*, Vol. 1. New York: The Gordon Press, hlm. 17; Malik Bennabi. 1984. *Mushkilah al-Thaqafah*, (Cetakan keempat). Damsyik: Dar al-Fikr, hlm. 76-77.
- <sup>2</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas. 2001. *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam, hlm. 66.
- <sup>3</sup> Malik Bennabi. 1986. *Mushkilah al-Hadarah Bayna al-Rashad wa al-Tih*. Damsyik: Dar al-Fikr, hlm. 136-137.
- <sup>4</sup> Abdullah Taib. 1985. *Asas-asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 2.
- <sup>5</sup> Untuk maklumat lanjut sila rujuk, Malik Bennabi. 1979. *Shurut al-Nahdah*. 'Abd al-Sabur Shahin & Umar Kamil Misqawi (terj.), (Cetakan keempat) Damsyik: Dar al-Fikr, h. 56. Lihat juga, Malik Bennabi (2006), *Le Problème Des Idées Dans Le Monde Musulman*. Beirut: Dar Albouraq, hlm. 57.
- <sup>6</sup> *The Oxford English Dictionary* (1978), Vol. 2, (Cetakan keempat). Oxford: The Clarendon Press, hlm. 1247-1248.
- <sup>7</sup> William L. Reese. 1980. *Dictionary of Philosophy and Religion: Eastern and Western Thought*. New Jersey: Humanities Press Inc., hlm. 115.
- <sup>8</sup> Edward Burnett Tylor (1832-1917) merupakan orang pertama yang mendefinisikan istilah *culture* secara ilmiah pada tahun 1871. Definisi *culture* tersebut dicatatkan dalam buku utamanya, iaitu *Primitive Culture* (1871) pada halaman 1.
- <sup>9</sup> Edward B. Tylor. 1871. *op.cit.*, hlm. 1.
- <sup>10</sup> 'Abd al-Rahman bin Khaldun. 2005. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Kaherah: Dar al-Fajr lilthurath, hlm. 65.
- <sup>11</sup> Ibrahim Mustafa *et al.* 1972. *Mu'jam al-Wasit*, Jil. 1, (c. 2.) Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah, hlm. 98. Untuk maklumat lanjut tentang definisi *al-thaqafah* sila rujuk, Rohi Ba' albaki. 1995. *Al-Mawrid Qamus 'Arabi – Injilizi*, (c. 7.) Beirut: Dar al-'Ilm LilMalayin, hlm. 400.
- <sup>12</sup> Abi al-Fadl Jamaluddin Muhammad bin Makrum Ibn Manzur. 1990. *Lisan al-'Arab*, Jil. 9. Beirut: Dar al-Sadir, hlm. 19-20.
- <sup>13</sup> *Ibid.*, Jil. 4, hlm. 196-197.
- <sup>14</sup> *Ibid.*, Jil. 12, hlm. 416-417.
- <sup>15</sup> Malik Bennabi. 1984. *Mushkilah al-Thaqafah*. Damsyik: Dar al-Fikr, hlm. 73.
- <sup>16</sup> Malik Bennabi. 1979. *Shurut al-Nahdah*. 'Abd al-Sabur al-Shahin & Umar Kamil Misqawi (terj.), (Cetakan keempat) Damsyiq: Dar al-Fikr, hlm. 89. Lihat juga, Zahra Boussalah. 2005. "Malek Bennabi: An Analytical Study of His Theory of civilization" dalam Kertas Kerja Seminar "Muslims and Islam in the Chaotic Modern World: Relations of Muslims among Themselves and with Others" di Temple University, Philadelphia, 30 September - 2 Oktober 2005, hlm. 9.
- <sup>17</sup> R. W. Burchfield. 1976. *The Oxford English Dictionary*, Vol. II:H-N. Oxford: Oxford University Press, hlm. 536-538.
- <sup>18</sup> Untuk maklumat lanjut sila rujuk, J. A. Simpson & E. S. C. Weiner. 1989. *The Oxford English Dictionary*, (Cetakan kedua) Vol. VIII: Internal-Looie. Oxford: Clarendon Press, hlm. 517-518.
- <sup>19</sup> Untuk maklumat lanjut sila rujuk, Louis P. Pojman. 1998. *The Theory of Knowledge Classical and Contemporary Readings*. USA: The McGraw-Hill, hlm. 1-5. Lihat juga, Paul Edwards. 1967. *The Encyclopedia of History*, Vol. 4. USA: Crowell Collier And Macmillan, Inc., hlm. 345-351.
- <sup>20</sup> *The Oxford English Dictionary*. 1978. Vol. IX: S-Soldo. Oxford: The Clarendon Press, hlm. 221-222.
- <sup>21</sup> Webster's Unified Dictionary and Encyclopedia. 1953. *Webster's Unified Dictionary and Encyclopedia: a concise and comprehensive reference work*. USA: Stuttman, hlm. 3783.
- <sup>22</sup> *Ibid.* Untuk maklumat lanjut tentang kaedah saintifik sila rujuk; G. P. Adam *et al.* 1938. *Knowledge and Society A Philosophical Approach to Modern Civilization*. New York: D. Appleton-Century

Company Inc., hlm. 29-54.

<sup>23</sup> John Penrice. 2006. *A Dictionary and Glossary of the Quran*. Kuala Lumpur: The Other Press, hlm. 153. Untuk maklumat lanjut sila rujuk, Wan Mohd. Nor Wan Daud. 2005. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*, (Cetakan kedua) Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 85.

<sup>24</sup> Hans Wehr. 1960. *A Dictionary of Modern Written Arabic*. New York: Spoken Languages Services, Inc., hlm. 635.

<sup>25</sup> Untuk maklumat lanjut sila rujuk, *al-Mu'jam al-Wasit*. 2004 (Cetakan keempat). Mesir: Maktabah al-Sharuq al-Dawliyyah, hlm. 624.

<sup>26</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas. 2007. *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. Kuala Lumpur: ISTAC, hlm. 12.

<sup>27</sup> Ibn Manzur. 1990. *op.cit.*, hlm. 416-417.

<sup>28</sup> Helen Buss Mitchell. 2002. *Roots of Wisdom*. USA: Wadsworth/Thomson Learning, hlm. 104-105. Lihat juga, A. L. Kroeber. 1952. *The Nature of Culture*. Chicago: The University of Chicago Press, hlm. 152-154.

<sup>29</sup> Dennis Sherman & Joyce Salisbury. 2004. *The West In The World*. (Cetakan kedua). New York: McGraw-Hill Companies, hlm. 492-497.

<sup>30</sup> *Ibid.*, hlm. 483.

<sup>31</sup> A. Daniel Frankforter. 1999. *The Medieval Millennium: An Introduction*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc., hlm. 198-227.

<sup>32</sup> Forrest E. Baird & Walter Kaufmann. 1997. *From Plato to Nietzsche*. (Cetakan kedua). New Jersey: Prentice Hall, hlm. 1, 341-368, 402-417, 427-821.

<sup>33</sup> Will Durant. 1961. *The Story of Philosophy*. (Cetakan keenam). New York: Simon & Schuster, hlm. 3.

<sup>34</sup> Dennis Sherman & Joyce Salisbury. 2004. *op.cit.*, hlm. 110-111.

<sup>35</sup> Forrest E. Baird & Walter Kaufmann. 1997. *op.cit.*, hlm. 1.

<sup>36</sup> Margaret L. King. 2000. *Western Civilization: A Social and Cultural History, Volume 1: Prehistory-1750*. New Jersey: Prentice Hall, Inc., hlm. 117-118, 314-315.

<sup>37</sup> Lihat, Dennis Sherman ed. 1995. *Western Civilization: Sources, Images, and Interpretations, Vol. II: Since 1660*. New York: McGraw-Hill, Inc., hlm. 32.

<sup>38</sup> Dennis Sherman & Joyce Salisbury. 2004. *op.cit.*, hlm. 111.

<sup>39</sup> Margaret L. King. 2000. *op.cit.*, hlm. 314-315.

<sup>40</sup> Wan Mohd. Nor Wan Daud. 1991. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 25.

<sup>41</sup> Untuk maklumat lanjut sila rujuk, Zaini Ujang. 2009. *Menghayati Budaya Ilmu: Faham Ilmu, Amalan dan Panduan*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, hlm. 12-14.

<sup>42</sup> Wan Mohd. Nor Wan Daud. 1991. *op.cit.*, hlm. 61-62.

<sup>43</sup> A. M. A. Shustery. 1966. *Outlines of Islamic Culture (Historical and Cultural Aspects)*. Lahore, Pakistan: SH. Muhammad Ashraf, hlm. 82-84.

<sup>44</sup> Akram Diya' al-'Umuri. 1993. *al-Khilafah al-Rashidah Muhawalalah li Naqdi al-Riwayah al-Tarikhiyyah wafaqa Manahij al-Muhaddithin*. T.T.P: Maktabah al-'Abikan, hlm. 181-184.

<sup>45</sup> Untuk maklumat lanjut sila rujuk, Ahmad Mohamad Said & Mohd. Nasir Mohd. Tap. 2009. *Pembudayaan Ilmu Membina Jati Diri Ketamadunan*. Selangor: Kolej Dar al-Hikmah, hlm. 32.

<sup>46</sup> Untuk maklumat lanjut sila rujuk, A. M. A. Shustery. 1966. *op.cit.*, hlm. 141-142.

<sup>47</sup> Lihat, Wan Mohd. Nor Wan Daud. 2005. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed Muhammad Naquib al-Attas Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*, (c. 2.) Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 160-161. Untuk teks asal sila rujuk, Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1979. *Aims and Objectives of Islamic Education*. London: Hodder & Stoughton, hlm. 37-38.

<sup>48</sup> Johanner Pedersen. 1984. *The Arabic Book*. Geoffrey French (terj.). Princeton: Princeton University Press, hlm. 20.

<sup>49</sup> Samuel Enoch Stumpf. 1999. *Socrates to Sartre: A History of Philosophy*. United States of America: McGraw-Hill Companies, Inc., hlm. 392.



- <sup>50</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas. 2001. *op.cit.*, hlm. 22.
- <sup>51</sup> Anthony Esler. 1997. *The Western World: A Narrative History, Prehistory To The Present*. New Jersey: Prentice Hall, Upper Saddle River, hlm. 15.
- <sup>52</sup> Untuk maklumat lanjut berkenaan konsep trinitas dalam agama Kristian sila rujuk; Brian Tierney & Sidney Painter. 1999. *Western Europe in the Middle Ages: 300-1475*. New York: McGraw-Hill Companies, Inc., hlm. 37.
- <sup>53</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas. 2001. *op.cit.*, hlm. 19.
- <sup>54</sup> Will Durant. 1961. *The Story of Philosophy: The classic account of the lives and opinions of the great philosophers of the Western world- from Plato to Santayana- by one of the greatest thinkers and writers of our time*, (Cetakan keenam). New York: Simon & Schuster, Inc., hlm. 2.
- <sup>55</sup> Forrest E. Baird & Walter Kauffmann. 2003. *Ancient Philosophy: Philosophic Classics*, Vol. 1. New Jersey: Prentice Hall, hlm. 1.
- <sup>56</sup> Untuk maklumat lanjut sila rujuk; Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1993. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), hlm. 1-13, 15-49.
- <sup>57</sup> Samuel Enoch Stumpf & James Fieser. 2003. *Philosophy History and Problems*, (Cetakan keenam). New York: McGraw-Hill Companies, Inc., hlm. 29.
- <sup>58</sup> Untuk maklumat lanjut sila rujuk; Samuel Enoch Stumpf. 1999. *op.cit.*, hlm. 5-27, 29-31.
- <sup>59</sup> Jackson J. Spielvogel. 2008. *Western Civilization: A Brief History*. (Cetakan keempat). United States of America: Thomson Wadsworth, hlm. 70.
- <sup>60</sup> R. R. Palmer *et al.* 2002. *A History of the Modern World*. (Cetakan kesembilan). New York: McGraw-Hill Companies, Inc., hlm. 265.
- <sup>61</sup> Paul F. Grendler. 1999. *Encyclopedia of the Renaissance*, Vol. 6. New York: Charles Scribner's Sons, hlm. 189-191.
- <sup>62</sup> Ibadat merupakan segala perbuatan, amalan, atau perkhidmatan yang disadari dan dilakukan dengan sukarela dan yang ditujukan semata-mata kerana Allah Taala. Ia merupakan suatu tuntutan sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Dharyat (51): 56 yang menjelaskan bahawa setiap penciptaan jin dan manusia adalah dengan satu tujuan utama, iaitu mengabdikan diri hanya kepada Allah Taala semata. Untuk maklumat lanjut sila rujuk, Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1992. *Islam The Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 11.
- <sup>63</sup> Untuk maklumat lanjut sila rujuk, Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1993. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 30-32.
- <sup>64</sup> Untuk maklumat lanjut sila rujuk, Seyyed Hossein Nasr. 2010. *Islamic Life and Thought* (Cetakan kedua). Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, hlm. 55-79.
- <sup>65</sup> Untuk maklumat lanjut sila rujuk, Syed Muhammad Naquib al-Attas. 2001. *op.cit.*, hlm. 56-64.
- <sup>66</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1991. *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), hlm. 40.

## RUJUKAN

- Abdullah Taib. 1985. *Asas-asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 'Abd al-Rahman bin Khaldun. 2005. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Kaherah: Dar al-Fajr lilthurath.
- Abi al-Fadl Jamaluddin Muhammad bin Makrum Ibn Manzur. 1990. *Lisan al-'Arab*. (Jld. 9.). Beirut: Dar al-Sadir.
- Ahmad Mohamad Said & Mohd. Nasir Mohd. Tap. 2009. *Pembudayaan Ilmu Membina Jati Diri Ketamadunan*. Selangor: Kolej Dar al-Hikmah.

- Akram Diya' al-'Umuri. 1993. *al-Khilafah al-Rashidah Muhawalalah li Naqdi al-Riwayah al-Tarikhiyyah wafaqa Manahij al-Muhaddithin*. T.T.P: Maktabah al- 'Abikan.
- Baird, Forrest E. & Kaufmann, Walter. 1997. *From Plato to Nietzsche* (Cetakan kedua). New Jersey: Prentice Hall.
- Burchfield, R. W.1976. *The Oxford English Dictionary* (Vol. II:H-N.). Oxford: Oxford University Press.
- Durant, Will. 1961. *The Story of Philosophy* (Cetakan keenam). New York: Simon & Schuster.
- Esler, Anthony. 1997. *The Western World: A Narrative History, Prehistory to The Present*. New Jersey: Prentice Hall, Upper Saddle River.
- Frankforter, A. Daniel. 1999. *The Medieval Millennium: An Introduction*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Grendler, Paul F.1999. *Encyclopedia of the Renaissance* (Vol. 6.). New York: Charles Scribner's Sons.
- Ibrahim Mustafa *et al.* 1972. *Mu'jam al-Wasit* (Jld. 1, c. 2.). Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- King, Margaret L. 2000. *Western Civilization: A Social and Cultural History* (Vol. 1: Prehistory-1750). New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Kroeber, A. L. 1952. *The Nature of Culture*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Malik Bennabi. 1979. *Shurut al-Nahdah*. 'Abd al-Sabur al-Shahin & Umar Kamil Misqawi (terj.) (Cetakan keempat). Damsyiq: Dar al-Fikr.
- \_\_\_\_\_.1984. *Mushkilah al-Thaqafah*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- \_\_\_\_\_.1986. *Mushkilah al-Hadarah Bayna al-Rashad wa al-Tih*. Damsyiq: Daral-Fikr.
- Mitchell, Helen Buss. 2002. *Roots of Wisdom*. USA: Wadsworth/Thomson Learning.
- Palmer, R. R. *et al.* 2002. *A History of the Modern World* (Cetakan kesembilan). New York: McGraw-Hill Companies, Inc.
- Pedersen, Johanner. 1984. *The Arabic Book*. Geoffrey French (terj.). Princeton: Princeton University Press.
- Penrice, John. 2006. *A Dictionary and Glossary of The Qur'an*. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Reese, William L. 1980. *Dictionary of Philosophy and Religion: Eastern and Western Thought*. New Jersey: Humanities Press Inc.
- Seyyed Hossein Nasr. 2010. *Islamic Life and Thought* (Cetakan kedua). Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Sherman, Dennis & Salisbury, Joyce. 2004. *The West in the World* (Cetakan kedua). New York: McGraw-Hill Companies.
- Shustery, A. M. A. 1966. *Outlines of Islamic Culture (Historical and Cultural Aspects)*. Lahore, Pakistan: SH. Muhammad Ashraf.
- Spielvogel, Jackson J. 2008. *Western Civilization: A Brief History* (Cetakan keempat). USA: Thomson Wadsworth.

- Stumpf, Samuel Enoch. 1999. *Socrates to Sartre: A History of Philosophy* (Cetakan keenam). New York: McGraw-Hill Companies, Inc.
- Stumpf, Samuel Enoch & James Fieser. 2003. *Philosophy History and Problems* (Cetakan keenam). New York: McGraw-Hill Companies, Inc.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1993. *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 1979. *Aims and Objectives of Islamic Education*. London: Hodder & Stoughton.
- \_\_\_\_\_. 1991. *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- \_\_\_\_\_. 1992. *Islam the Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. 1993. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- \_\_\_\_\_. 2001. *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).
- \_\_\_\_\_. 2007. *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- The Oxford English Dictionary*. 1978. Vol. IX: S-Soldo. Oxford: The Clarendon Press.
- 'Umuri, Akram Diya' al-. 1993. *al-Khilafah al-Rashidah Muhawalah li Naqdi al-Riwayah al-Tarikhiyyah wafaqa Manahij al-Muhaddithin*. T.T.P: Maktabah al-'Abikan.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1991. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. 2005. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi* (Cetakan kedua). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Webster's Unified Dictionary and Encyclopedia. 1953. *Webster's Unified Dictionary and Encyclopedia: A concise and comprehensive reference work*. USA: Stuttmann.
- Wehr, Hans. 1960. *A Dictionary of Modern Written Arabic*. New York: Spoken Languages Services, Inc.
- Zaini Ujang. 2009. *Menghayati Budaya Ilmu: Faham Ilmu, Amalan dan Panduan*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.